

Naib Canselor UMS rasmi mini zoo PPIB

Oleh HENRY BATING

hbating@gmail.com

UB 01-08-2012 B4

NAIB Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof Dr Mohd Harun Abdullah pada Isnin merasmikan Mini Zoo Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB) sebagai habitat pelbagai spesies haiwan kecil bagi melengkapi laman ceria yang siap dibina setahun lalu.

Ketika meninjau persekitaran habitat kecil itu, beliau menyifatkan kewujudan pelbagai haiwan di tempat berkenaan akan lebih menceriakan lagi persekitaran kampus sebagai pusat menuntut ilmu.

"Kita memerlukan suasana harmoni untuk merangsang langkah maju ke hadapan dan cemerlang," katanya sambil mengharapkan warga kampus dapat menerapkan konsep inovatif, relevan dan lestari dalam meningkatkan kualiti kerja ke arah penjanaan kecemerlangan UMS.

Turut hadir Pendaftar UMS, Mejar (K) Datuk Abdullah Mohd Said, Dekan PPIB, Lt Kol (PA) Prof Madya Dr Ismail Ali, dua timbalan dekan, Dr Anantha Raman Govindasamy dan Wardatul Akmam Din serta semua staf akademik dan pentadbiran PPIB.



HARUN melepaskan seekor arnab ke dalam Mini Zoo PPIB. Sementara gambar di bawah Harun memotong riben tanda perasmian Mini Zoo PPIB sambil diperhatikan Abdullah dan Ismail (kiri).



Dalam taklimatnya di lokasi, Ismail memberitahu laman ceria itu turut menempatkan padang golf mini, gelanggang bola tampar dan sepak takraw yang boleh digunakan oleh warga kampus selepas waktu bekerja.

Harun seterusnya meninjau keadaan bangunan PPIB yang sebahagianya memerlukan pembaikan dan renovasi sebelum berdialog dengan hadirin mengenai pembangunan kerjaya dan peningkatan kecemerlangan.

Lawatan naib canselor dan pendaftar diakhiri dengan majlis berbuka puasa.